

Artikel

Penyayang dan Berwawasan Ciri Kepimpinan Pemerintahan dalam Syair Diraja Melayu Perak-Johor Era Kontemporari

(Compassionate and Visionary Characteristics of Government Leadership in The Contemporary Perak-Johor Royal Malay Poetry (Syair))

Rosnani Ibrahim, Muammar Ghaddafi Hanafiah & Shaiful Bahri Md.Radzi

Pusat Penyelidikan Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: rosnanie74@gmail.com

Abstrak: Pada era abad ke-16 hingga penghujung abad ke-19, syair adalah satu daripada wadah pengkaryaan penulis-penulis istana. Corak kepengarangan pada era ini ialah pujian dan penceritaan berhubung sultan dalam zamannya. Setelah kehadiran kuasa Barat yang membawa bersama-sama corak kepengarangan yang pelbagai bentuk dan genre, golongan raja tidak lagi menjadi idea dalam penulisan. Syair tidak lagi menjadi pilihan sebagai wadah pengkaryaan. Corak kepengarangan sedemikian mula melemah apabila berkembangnya sastera moden. *Syair Riwayat Yang Amat Mulia Tengku Ampuan Besar Pahang* (1953) rakaman terakhir sejarah golongan Diraja. Walau bagaimanapun, pada era kontemporari ini muncul dua karya sedemikian, *Syair Sultan Azlan Shah Berjiwa Rakyat* (2009) karya Mohd Ibrahim bin Said dan *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar* (2018) oleh Maskiah binti Masrom. Kedua-dua teks syair DiRaja ini dijadikan sampel kajian. Hasil penekunan menemukan kedua-dua penulis menjadikan raja sebagai subjek penulisan. Kaedah kaji banding diaplikasi dalam usaha untuk meneliti kepengarangan kedua-dua penulis dalam mempersembah idea rakaman sejarah DiRaja pada era kontemporari. Kaedah kajian secara intrinsik terhadap sampel kajian juga turut digunakan. Dapatan kajian menemukan terdapat persamaan kepengarangan dengan memaparkan ciri kepimpinan pemerintahan yang penyayang dan berwawasan dimiliki oleh sultan bagi negeri masing-masing. Hasil kajian ini membuktikan bahawa syair diraja masih kekal relevan dalam mengangkat dan mengagungkan seseorang raja walaupun dalam era moden. Kedudukan pengarang moden yang berada di luar lingkungan istana tidak menghalang mereka menghasilkan syair diraja ini.

Kata kunci: penyayang, berwawasan, relevan, syair DiRaja, kontemporari

Abstract: In the 16th century to the end of the 19th century, poetry was one of the creative tools of palace writers. The pattern of authorship in this era was praise and narration about the sultan. After the Western brought together a pattern of authorship of various forms and genres, the king was no longer an idea of writing. *Syair* was no longer an optional medium of creation. Such a pattern of authorship began to weaken as modern literature developed. *Syair Riwayat Yang Amat Mulia Tengku Ampuan Besar Pahang* (1953) was the last recorded history of the Royal family. However, in the contemporary era, two such works appeared, *Syair Sultan Azlan Shah Berjiwa Rakyat* (2009) by Mohd Ibrahim bin Said and *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar* (2018) by Maskiah binti Masrom. Both Royal poetry texts were used as study samples. The result found both writers make the king the subject of writing. The comparative study method was applied to examine the writers' authorship in recording contemporary Royal history. Intrinsic research on the study sample was also used. The study found a similarity in authorship by displaying the characteristics of compassionate and visionary government leadership possessed by the sultans for their respective states. This study proved that royal *syair* still remain relevant in elevating and glorifying a king

even in the modern era. The modern authors' position outside the court does not prevent them from producing these royal poems.

Keywords: caring, insightful, relevant, Royal *syair* / poetry, contemporary

Pengenalan

Karya syair bercorak sejarah dapat diklasifikasikan kepada tiga kategori. Pertama, syair sejarah yang menggambarkan peristiwa berlaku dalam tempoh yang singkat. Kedua, syair yang menjadikan istana sebagai tumpuan penceritaan. Ketiga, bertemakan kisah peribadi atau watak seseorang. Kategori syair yang kedua memberi tumpuan sepenuh perhatian kepada penceritaan penyanjungan kehebatan binaan istana, sanjungan kepada raja, pembesar atau juga akan negara kotanya. Biasanya hasil karya sedemikian adalah penulis yang terdiri daripada raja itu sendiri, pembesar atau penggawa raja. Kaeh (1981) menjelaskan bahawa kebanyakan hasil sastera istana ditulis oleh pujangga yang dipanggil oleh raja untuk mencatatkan segala sesuatu yang berlaku di sekitar kraton mereka. Pada era kontemporari ini, dalam situasi penulis tiada sebarang hubungan dengan pihak istana, bukan kerabat DiRaja malah tiada akses untuk ke istana lahir dua pengkarya yang mampu mendokumentasikan penceritaan kehebatan binaan istana dan sanjungan kepada rajanya. Sedangkan kedua-dua penulis dari golongan kebanyakan dan hanyalah sebahagian daripada warga pendidik. *Syair Sultan Azlan Shah Putera Berjiwa Rakyat* karya penulis dari negeri Perak. *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar*, hasil karya penulis dari negeri Johor. Dua karya syair sejarah yang dikategorikan sebagai syair yang menjadikan istana sebagai tumpuan penceritaan dalam konteks sanjungan kepada rajanya jika ditelusuri pengklasifikasian yang dilakukan oleh Hookyas ini Hashim (1991).

Metodologi Kajian

Kajian secara kualitatif digunakan dalam kajian ini. Metode kualitatif ini dipilih kerana penganalisan yang digunakan menggunakan penelitian secara berulang kandungan kedua-dua teks karya ini. Pembacaan rapi dilakukan ke atas dua teks kajian ini. Kajian secara kualitatif ini dilakukan untuk pemahaman penyampaian idea atau isi cerita daripada teks-teks ini. Bacaan rapi terhadap teks *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* dan *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar* dilakukan untuk mendapatkan maklumat berhubung skop atau kriteria yang menjadi idea kepengarangan yang dijadikan fokus kajian. Kaedah analisis kandungan diaplikasikan bagi mendapatkan maklumat berhubung idea penulisan. Idea penulisan untuk mendapatkan maklumat berhubung kepengarangan kedua-dua penulis dalam memerihalkan dan mengangkat raja bagi negeri masing-masing. Maklumat atau data yang diperoleh, dikumpul untuk dianalisis dengan menggunakan kaedah kaji banding.

Analisis Dan Perbincangan

Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat dan *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar* dua karya syair Diraja yang lahir dalam era kontemporari. Sanjungan dan penghormatan terhadap raja dan sultan masing-masing menjadi idea penceritaan. Berdasarkan penelitian ini menemukan bahawa kedua-dua pengarang memartabatkan raja dan sultan masing-masing dengan memaparkan ciri kepimpinan pemerintahan yang penyayang dan berwawasan dimiliki oleh sultan bagi negeri masing-masing.

1. Penyayang

Sikap penyayang terhadap alam dan hidupan adalah antara ciri-ciri terpuji yang dimiliki oleh sultan bagi negeri Perak yang ke-34 ini. Untuk menggambarkan sikap terpuji iaitu sikap penyayang bagi sultannya, penulis syair kelahiran negeri Perak ini telah menggambarannya dalam satu bab khusus iaitu bab 24 dengan tajuk Lawatan Agong ke Taman Negara-Seorang Raja Pencinta Alam Semulajadi. Kecintaan Sultan Azlan Shah terhadap hidupan flora dan fauna digambarkan penulis dalam bab ini. Penulis menyatakan bahawa baginda berminat dan gemar mengunjungi, melawati dan meneroka hutan-hutan simpan yang telah dinobatkan sebagai taman negara. Hutan Mulu, Taman Sepiluk, Gunung Kinabalu, Pulau Sipadan, Royal Belum dan Taman Negara Pahang antara lokasi yang dilawati baginda.

Pencinta keindahan alam semesta,
 Banyak menjelajah Taman Negara,
 Taman Laut ditinjau dijelajahi juga,
 Tempat menarik ditinjau serata.

(Syair Sultan Azlan Shah, *Putera Berjiwa Rakyat* R 858)

Sikap penyayang dan cinta akan alam semula jadi ini telah penulis lukiskan bersekali dengan sikap baginda yang rendah hati. Sikap baginda yang tidak pernah berasa angkuh dengan kedudukannya sebagai raja atau sultan, sebaliknya lebih memilih untuk hidup laksana rakyat biasa. Perkara ini dinukilkan penulis dalam petikan puisi di bawah.

Hati sanuabari berjiawa sehati,
 Mencintai rakyat dan alam semula jadi,
 Kegemaran baginda bersukan berekreasi,
 Kalangan rakyat berjoging berlari.

Dalam hutan 'Belum' tersendiri,
 Kekayaan 'nature-nya' masih asli,
 Flora dan fauna bermacam peri,
 Tempat tumpuan pengakji siswa-siswi.

Mencintai alam satu kurniaan,
 Kembara denai rimba rekrasian,
 Satu kegemaran lahir semulajadian,
 Terluang masa membuat jelajahan.

(Syair Sultan Azlan Shah, *Putera Berjiwa Rakyat* R767,R852 & 886)

Sikap penyayang dan kecintaan Sultan Azlan Shah kepada hidupan flora dan fauna ini telah membawa serta membentuk kepada impak positif lainnya. Sikap penyayang dan kecintaan baginda terhadap alam semula jadinya ini bukan sahaja dapat baginda manfaatkan untuk diri dan keluarga tetapi juga kepada bangsa dan negara yang akhirnya dapat diklasifikasikan kepada enam kesan. Pertama baginda dapat melihat dan merasai malah mengakui akan kebesaran Ilahi. Kedua kerana baginda ingin dan cintakan sebuah ketenangan dan ketiga sebagai satu usaha untuk baginda memperat hubungan kekeluargaan. Selain itu, sebagai satu usaha untuk baginda mengambil langkah dan cara agar hutan terpelihara dari sebarang ancaman pencemaran akibat pembangunan. Kenyataan ini diperkukuh dengan titah baginda dalam teks *Kumpulan Titah Ucapan Sultan Azlan Shah* hasil susunan Zaini, M. A., titah baginda:

Pada masa yang sama, negara kita telah membangun dengan begitu pesat sekali dan kita harus berbangga dengan pencapaian ini. Walau bagaimanapun, kita juga tidak seharusnya melupakan kesan pembangunan terhadap alam sekitar. Langkah-langkah sewajarnya haruslah diambil bagi memelihara dan mengekalkan kesinambungan warisan semula jadi kita ini. Kesinambungan antara pembangunan dengan pemuliharaan perlulah diambil kira dan ditekankan. Jika tidak, akibat buruk akan menimpa diri kita, malah kepada generasi akan datang.

(2004: 395)

Dalam pada masa yang sama baginda juga berhasrat agar flora dan fauna akan dapat dijadikan penyelidikan baik siswa dan siswa peringkat dalam negara atau mungkin juga pelajar luar negara atau mungkin juga para pelancong. Tokoh, Shamsudin (2006) membenarkan pernyataan penulis syair ini berhubung hasrat baginda agar hutan simpan di Perak dapat dijadikan sebagai sumber penyelidikan golongan pelajar. Menurut tokoh berkenaan bagi melunaskan keinginan ini maka baginda telah menggalakan aktiviti-aktiviti saintifik untuk menambahkan lagi spesies baharu di samping mengambil berat perkembangan penyelidikan yang berlaku dari semasa ke semasa. Terakhir bagi baginda flora dan fauna juga ialah sumber pendapatan iaitu dalam sektor pelancongan dan penjaan tenaga. Tuntasnya bahawa dengan sikap penyayang dan kecintaan yang baginda miliki terhadap flora dan fauna ini telah memberi

keuntungan kepada banyak pihak bukan sahaja kepada diri baginda sendiri tetapi juga memberi kesan terbaik kepada bangsa dan negara. Berbicara akan peranan ini sebagai manusia, dapat disimpulkan bahawa Sultan Azlan Shah, tokoh pemimpin negara sebagai sultan negeri Perak yang disayangi rakyat bukan sahaja sikapnya yang rendah diri tetapi juga kerana sikapnya yang sayang dan cinta terhadap alam semula jadi. Baginda akan berkelana dengan mengembara dan meneroka lokasi-lokasi yang masih sarat dengan hidupan flora dan faunanya. Tujuan Sultan Azlan Shah meneroka taman-taman hutan negara adalah kerana satu dasar dan keinginan hati baginda untuk melihat dan memerhati akan kebesaran ciptaan Ilahi.

Dalam gua bersenang-senang memerhati,
Melihat berbagai ciptaan Ilahi,
Bentuk tunggal kejadian semula jadi,
Berjuta tahun terjadi dan terdiri.

Di sudut gelap berkelip bergemerlapan,
Umpama sejuta bintang bertaburan,
Suasana dingin dicelah gua-guaan,
Banyak terdapat flora-faunaan

Meninjau sekitar puasnya hati,
Panorama cantik kanan dan kiri,
Leka melihat 'lukisan' ilahi,
Stalaktait-stalakmait tonggak berdiri.

(*Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat R 862, R863 & R864*)

Gua Mulu antara lokasi yang menjadi pilihan Sultan Azlan Shah, untuk diredah dan didaki. Melihat akan tegak berdirinya Gua Mulu berkenaan telah melahirkan rasa takjub lantas baginda mengakui betapa hebat dan berkuasanya ciptaan Allah. Dicipta gua berkenaan yang dipenuhi segala kejadian lainnya yang turut hidup di perut gua serta ditambah dengan tertegaknya Gua Mulu itu dalam jutaan tahun yang lalu. Namun masih utuh dan kukuh tanpa sebarang tanda akan keruntuhaannya. Ketakjuban baginda betapa kukuh dan utuh ciptaan gua berkenaan membuktikan betapa bijak dan pintar si penciptanya.

Bila sampai Taman Mulu,
Ta'ajub melihat keindahan di situ,
Kawasan guanya luas terlalu,
Tersimpan kapal terbang seberapa mahu,

Meninjau sekitar sepuas hati,
Panorama cantik kanan dan kiri,
Leka melihat lukisan Ilahi,
Stalaktait-stalakmait tonggak berdiri.

(*Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat R861 & R864*)

Kepuasan rasa dan ketakjuban atas setiap penciptaan kejadian hidupan di lokasi pilihan ini menjadikan keyakinan terhadap Yang Esa tiada taranya. Keindahan ciptaan Tuhan atas setiap kejadian atas penciptaan itu telah melekakan jiwa dan minda. Berasa sangat kerdilnya diri sebagai manusia biar pun punya kedudukan tertinggi dalam negeri mahu pun negara tetapi masih kecil di sisi Yang Kuasa. Cukup dengan sekadar memerhanti dan meneroka alam semula jadi akan membentuk keyakinan diri bahawa betapa hebat dan agungnya kuasa milik pencipta langit dan bumi. Tegasnya dengan sikap penyayang Sultan Azlan Shah terhadap alam semula jadi maka lahirnya pula keyakinan diri terhadap Yang Maha mengasihani.

Sikap penyayang baginda juga kecintaan terhadap alam semula jadi adalah untuk mencari ketenangan jiwa dan minda. Melalui alam semula jadi menjadi satu terapi untuk diri baginda. Bukan sahaja dapat menikmati keindahan alam semula jadi tetapi juga dapat membentuk keimanan dan keyakinan yang lebih kukuh dan utuh terhadap Allah s.w.t, namun disertai dengan itu menikmati keindahan alam semula jadi adalah satu ketenangan yang tiada tolak bandingnya. Dengan melihat keindahan alam semula jadi

ketenangan dapat dirasakan setelah berdepan dengan kesibukan tugas sebagai ketua negara juga negeri. Oleh sebab itu, maka baginda memilih untuk memerhati dan meneroka alam semula jadi yang sarat dengan hidupan flora dan faunanya untuk menangani tekanan dalam dunia kepimpinan yang dilaluinya. Di samping itu juga, dengan menikmati keindahan alam sekitar baginda dapat mengisi masa yang terluang dengan aktiviti yang lebih berfaedah. Lebih tepat masa terluang yang ada tidak terbuang dan dibazirkan sebaliknya baginda penuhi dengan aktiviti yang lebih bercorak pengisian dalaman agar pembentukan jiwa dan rohani lebih terbina.

Demikian Tuanku mengambil peluang,
Melapangkan waktu masa terluang,
Meneroka keindahan alam terbentang,
Kepuasan mendapat kalbunya girang.

Bagi melihat keindahan negeri,
Memerlukan beberapa hari bercuti,
Sehari dua tidaklah mencukupi,
Menikmati keindahan segala segi.

(*Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat R 870 & 871*)

Perasaan sayang dan cinta terhadap alam sekitar yang ditegaskan dalam teks syair ini terbukti benar dan tepat. Kebanaran dan ketepatan fakta ini diperakui oleh tokoh Shamsudin, M. melalui teks *Sebutir Permata di atas Takhta Pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Azlan Muhibbuddin Shah*. Menurut tokoh ini kecintaan dan minat yang mendalam terhadap alam sekitar bukan sahaja untuk rakyat negeri Perak Khususnya. Tetapi juga kepada seluruh rakyat Malaysia amnya. Lantaran itu, ketika baginda menjadi SPB Yang Dipertuan Agong, dan berlangsungnya Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel di Kuala Lumpur, baginda telah memberi perhatian terhadap usaha masyarakat antarabangsa terhadap isu pemuliharaan alam sekitar. Hasilnya, lahirlah Deklerasi Langkawi pada 21 Oktober 1989. Berdasarkan Deklerasi ini negara-negara Komanwel khususnya dan negera-negara dunia amnya wajar mengambil berat penjagaan alam sekitar dan berusaha untuk mengelakkan pencemaran dan kemusnahan alam sekitar (2006). Lahirnya Deklarasi Langkawi atas cadangan baginda ini adalah satu sejarah penting bagi negara Malaysia. Hal ini demikian keran buat pertama kalinya Malaysia menjadi tuan rumah yang berjaya melahirkan sebuah deklarasi untuk masa depan dunia.

Jika penulis Perak, Ibrahim bin Mohd Said, menampilkan sifat luhur dalam diri Sultan Azlan Shah dengan sifat penyayang terhadap alam sekitar dalam syairnya, Maskiah Masrom memaparkan sifat luhur yang sama ini dalam diri rajanya yang disanjung, DYMM Sultan Ibrahim. Lebih menarik lagi penulis Johor dilihat mengupas nilai luhur sultannya dalam konteks sebagai seorang yang penyayang dengan skop yang lebih luas. Kasih sayang sultan Johor atau Sultan Ibrahim ini bukan sahaja kepada keluarga, namun kasih sayang baginda dicurahkan untuk rakyat dan negara. Gambaran baginda sebagai seorang yang sangat menyayangi keluarga terutama bonda tercinta dapat dilihat melalui tindakannya menganugerahkan bondanya kedudukan yang tertinggi. Kasih sayang baginda terhadap bondanya dapat ditemukan melalui penulisan Ramli, A.R. Beliau menyatakan bahawa:

Sultan Ibrahim menunjukkan kasih sayang terhadap bondanya, dan amat cenderung bagi menghidupkan warisan diraja Johor. Sebagai bukti kasih sayang kepada bondanya, Tuanku sebagai raja dan Kepala Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati dengan limpah perkenan mengurniakan Darjah kerabat Pangkat Pertama (D.K 1), iaitu darjah tertinggi dan yang utama kepada Yang Amat Mulia Enche' Besar Hajah Kalsom. Sebagai menghormati bondanya, selepas Menteri Darjah mengumumkan titah perkenan Tuanku turun dari peterana menuju ke arah Yang Amat Mulia Enche' Besar Hajah Kalsom untuk menyampaikan dan memakaikan kalung dan bintang bagi Darjah Kerabat, dan selepas itu mencium tangan bondanya. Enche' Besar Hajah Kalsom pula memeluk Tuanku, di samping mencium dengan penuh kasih sayang.

(2011:274)

Sifat penyayang baginda jelas terlihat dalam dirinya terutama juga teristiemwa untuk cucundanya. Sebagai seorang telah berusia dikurniai pula cucu-cucu buat penyeri hari tua, maka mencurah kasih sayang sepenuhnya buat cucunda menjadi satu kebahagiaan yang tiada taranya. Biarpun sebagai seorang pemimpin negeri Johor, peluang untuk mencurah kasih nan sayangnya kepada cucunda tidak akan diabaikan. Baginda dilukiskan sebagai seorang nenda yang begitu menyayangi cucundanya. Sifat penyayang ini jelas terlihat dalam petikan rangkap puisi di bawah:

Tuanku akrab dengan keluarga,
Sentiasa memanjakan cucunda,
Dipeluk diletak di atas riba,
Cuucnda baginda begitu di manja.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R86*)

Sifat penyayang baginda juga turut dipamerkan dalam diri baginda terhadap rakyat bawahannya. Kasih sayang Sultan Ibrahim dilihat jelas dicurah kepada rakyat naungan sepenuhnya. Setiap tindakan baginda adalah untuk rakyat semata-mata. Kasih sayang Sultan Ibrahim terhadap rakyatnya menjadi teras dalam pemerintahan baginda. Sultan Ibrahim telah meletakkan dirinya setara dengan rakyat atas objektif baginda untuk mengenali keadaan juga kehidupan rakyatnya. Kasih sayang baginda terhadap rakyat ini telah melahirkan satu tindakan atau gerak kerja yang tidak mementingkan kedudukan diri sebagai seorang raja atau sultan. Baginda tidak berasa kekok untuk bergaul dengan rakyat bawahannya. Malah baginda akan datang berkunjung di warung-warung kopi untuk bertemu rakyatnya. Di samping dapat mendengar keluhan, rintihan juga aduan dari hati rakyat. Baginda yakin bahawa dengan mendekati diri rakyat hubungan antara raja dan rakyat akan bertaut erat.

Tuanku suka datang berkunjung,
Tidak kekok singgah di warung,
Minum teh dengan orang kampung,
Gembira rakyat tidak terbencong.

Di tepi pantai Tunku bersiar,
Terjumpa pula dengan pelajar,
Tuanku ramah bertanya khabar,
Mereka semua tersenyum lebar.

Tuanku sendiri bermurah hati,
Ingin membelikan ayam KFC,
Pelajar gembira tidak terperi,
Terima kasih diucap berkali-kali.

Cubalah cari di serata negeri,
Adakah sultan yang sebegini,
Dengan rakyat suka hampiri,
Tidak kisah mencemar duli

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R87, R91, R92 & R93*)

Ramli (2011) turut memperkukuh perbincangan di atas berhubung sifat penyayang baginda kepada rakyat. Menurut beliau, Sultan Johor ini sentiasa mendekati dan mendampingi rakyat bagi menyelesaikan masalah mereka. Baginda menggalakkan kerabat-kerabat diraja bermesra, berkenalan serta memahami dan prihatin kepada masalah rakyat terutamanya yang kurang upaya dan bernasib baik.

Secara tuntasnya, tindakan baginda mendekati rakyat ini juga adalah atas dasar dan keinginan juga hasrat agar seluruh rakyat di negeri Johor tidak akan terpinggir dan tersisih daripada pembangunan juga kekayaan negeri yang dimiliki. Sebagai seorang pemerintah yang penyayang terhadap rakyatnya, baginda meletakkan kebajikan rakyat menjadi keutamaan. Menurut Ramli (2011), “..Baginda menyeru supaya kepentingan rakyat yang dikasihi itu diberi keutamaan. Sultan Ibrahim sendiri menubuhkan sebuah yayasan

bagi membantu rakyat yang memerlukan dan layak memperoleh pelajaran, perubatan dan perumahan. Dana yayasan tersebut akan dibiayai daripada elaun bulanan baginda”. Tegasnya rakyat yang berada dalam garis kemiskinan menjadi sasaran baginda untuk disantuni. Semua ini adalah bertujuan untuk memastikan rakyat yang berada dalam kemiskinan ini akan berjaya keluar dari kepompong kemiskinan yang membelit mereka agar dapat menjadi rakyat yang berpeluang menikmati kekayaan negeri yang ada. Hal ini juga jelas membuktikan bahawa betapa baginda memiliki sifat penyayang yang tinggi terhadap rakyat naungannya.

Sultan Ibrahim sultan penyayang,
Kebajikan rakyat selalu ditatang,
Untung buat si miskin dan malang,
Dibantu agar kesusahan berkurang.

Sultan Ibrahim sering menegaskan,
Bangsa Johor peru dibangunkan,
Wawasan negeri dapat dijayakan,
Taraf hidup dapat ditingkatkan.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R58 & 60*)

Pembuktian bahawa sifat luhur Sultan Ibrahim yang dinukilkan penulis syair Johor bahawa baginda begitu bersifat penyayang terhadap rakyat dapat ditemukan melalui acara ‘Kembara Mahkota Johor’ yang diperkenalkan oleh baginda pada tahun 2001. Matlamat utama baginda memperkenalkan acara ini adalah untuk baginda belajar, bermesra dan meninjau kehidupan rakyat jelata. Di samping itu, satu usaha bagi baginda untuk membantu rakyat yang kurang bernasib baik seperti anak-anak yatim, kanak-kanak istimewa dan orang-orang tua. Malah program ini juga dapat baginda harapkan untuk memupuk perpaduan juga muhibbah dalam kalangan rakyat yang berbilang bangsa¹.

Sifat mulia baginda juga jelas terlihat sebagai seorang sultan yang penyayang melalui kepimpinannya. Kasih sayang baginda dicurahkan terhadap negeri yang tercinta Johor Darul Takzim. Sultan Ibrahim bukan sahaja meletakkan kebajikan rakyat menjadi pegangan dalam pemerintahan tetapi juga baginda begitu menyayangi kerajaan yang berada di bawah pimpinannya. Selaras dengan itu, baginda berhasrat untuk memacu kerajaan negeri Johor menjadi sebuah negeri yang bukan sahaja menjadi sebutan, namun turut digeruni negara-negara jirannya seperti Singapura. Maka dengan itu, negeri Johor hendaklah dipacu agar kemajuannya dalam pelbagai segi dan bidang terutama dalam bidang ekonomi perlu dikembangkan demi kesejahteraan rakyat juga negeri itu sendiri.

TuanKu sangat menjaga hubungan,
Dengan Singapura yang berjiran,
Pelbagai isu sepakat pandangan,
Agar Johor menerima kemajuan.

TuanKu memerintah seluruh jajahan,
Negeri terbilang paling selatan,
Banyak kemajuan jelas kelihatan,
Johor Darul Ta’zim jadi sebutan.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R62 & R66*)

2. Berwawasan

Menurut Fadhil, Kepimpinan Islam dalam Menghadapi Alaf ke-21 dalam buku *Pembangunan Ummah ke Arah Wawasan 2020* menyatakan bahawa:

Wawasan bukanlah cuma impian dan khayalan melulu tetapi kemampuan merencanakan masa depan berasaskan kenyataan-kenyataan hari ini termasuk peluang-peluang dan rintangannya. Tegasnya pemimpin yang berwawasan adalah seorang yang cukup sedar dan peka dengan perkembangan yang berlaku serta dapat pula meramalkan perubahan-perubahan yang akan berlaku pada masa depan. Bertolak daripada kesedaran tersebut ia menghadapi masa hadapan dengan sikap antisipatif dan proaktif.

(1994:99)

Merujuk kepada makna wawasan yang dibicarakan oleh Fadhil, S. ini, menjelaskan ciri-ciri pemimpin yang bijak. Pemimpin yang bijak yang dimaknakan oleh beliau ialah pemimpin yang membina masa hadapan baik untuk rakyatnya tetapi juga negeri pimpinannya. Pemimpin yang membina masa hadapan dikatakan pemimpin yang menilai keadaan juga situasi yang berlaku pada masa tersebut dan impaknya pada masa akan datang. Sekiranya sesuatu situasi yang berlaku terhadap rakyat atau negerinya dalam konteks yang negatif, jika tidak ditangani akan membawa kepada kesan yang mungkin membahayakan terhadap negeri tetapi juga negara. Pemimpin ini juga akan melakukan sesuatu tindakan yang lebih drastik agar kesan yang negatif dapat ditangani. Begitu juga dengan situasi yang sebaliknya. Maka apabila berbicara dalam konteks pemimpin berwawasan, inilah yang dilihat oleh penulis *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat*. Penulis menjelaskan melalui teks syairnya bahawa sultan negerinya iaitu Sultan Perak, Sultan Azlan Shah adalah seorang raja yang mempunyai pandangan yang jauh ke hadapan.

Sebagai seorang pemerintah negeri, Sultan Azlan Shah digambarkan sebagai raja atau sultan yang inginkan agar kedudukan Kesultanan Melayu terus kekal. Baginda mengharapkan agar kedudukan Raja-Raja Melayu akan terus terpelihara. Justeru baginda meminta dan menyeru kepada pemerintah negeri mahu pun negara yang memegang tampuk pemerintah sebagai payung negara agar menjaga dan memelihara tingkah laku serta adab sebagai raja. Baginda juga menyeru kepada para pemerintah iaitu pemegang gelaran sebagai sultan dan raja agar tidak menggunakan kedudukan yang dimiliki untuk mengumpul kekayaan dan memerah keringat rakyat serta mengutamakan keperluan peribadi berbanding keperluan rakyat dan negara. Bagi Sultan Azlan Shah golongan raja yang sedemikian akan menaikkan kemarahan rakyat seperti yang digambarkan oleh Ali (2014)...bahawa semakin ramai golongan elit politik serta ekonomi baru dan golongan menengah kurang senang dengan kuasa serta keistimewaan berlebihan yang diberikan kepada Raja; bahkan mungkin ramai juga di antara mereka ingin melihat sebahagian kuasa dan keistimewaan itu dibataskan. Baginda menyeru juga supaya para raja dan sultan hendaklah berjiwa rakyat. Rakyat hendaklah didekati dan disantuni kerana kedudukan yang dimiliki ini adalah satu amanah yang wajar dilaksanakan secara adil dan bijaksana. Sebagai buktinya penulis telah menyatakan perkara ini dalam syairnya.

Bersabit krisis 'Kekebalan Raja'
Tuanku menyentuh perihal takhta,
Diigatkan 'Raja-raja mohon menjaga'
Memelihara 'tanjak', 'keris' dan 'mahkota'

Tuanku mengingatkan 'golongan raja'
Agar menjaga 'progata' dan 'mahkota'
Simbol kebesaran bangsa merdeka,
Jangan tersampai pintu 'muzium' pula.

(*Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat R727 &728*).

Tokoh sejarawan juga iaitu Shamsudin (2006) membenarkan pernyataan yang dinyatakan dalam petikan syair di atas. Menurut beliau, Sultan Azlan Shah sangat mengutamakan hubungan antara istana dengan rakyat. Bagi baginda, rakyat adalah aset kepada kedaulatan dan ketinggian kedudukan institusi kesultanan. Baginda tidak mahu meletakkan kedudukan dan ketinggian takhta sebagai penghalang atau menajdi tembok pemisah yang menjarakkan hubungan baginda dengan rakyat biasa.

Baginda sedar bahawa dengan tidak menunaikan amanah serta tanggungjawab sebagai seorang raja atau sultan terhadap rakyat naungannya akan mengundang penentangan. Maka baginda juga sedar bahawa segala kelebihan yang dimiliki sebagai penaung rakyat akan mula dipersoal oleh rakyat. Di sinilah segalah

kekebalan yang dimiliki oleh pemerintah ini mungkin akan menjadi satu pembicaraan terbuka oleh semua peringkat juga kedudukan. Baginda paling bimbang ialah apabila situasi ini berlaku mampu membawa kepada keruntuhan institusi raja-raja². Sistem pemerintahan beraja yang menjadi amalan negara tercinta Malaysia ini akan diruntuhkan. Sistem pemerintahan beraja ini nanti hanya akan menjadi satu monumen atau tatapan generasi akan datang dalam satu pendokumentasian. Paling menyedihkan apabila sistem pemerintahan beraja yang menjadi corak pemerintahan kini pada suatu hari nanti akan bertukar kepada satu bentuk sejarah yang hanya dibaca dan diingati serta hanya ditonton rakyat dalam balang kaca di galeri-galeri pameran.

Bersabit krisis 'Kekebalan Raja'
 Tuanku menyentuh perihal takhta,
 Diingatkan 'Raja-raja mohon menjaga,
 Memelihara 'tanjak, 'keris' dan 'mahkota'

Tuanku mengingatkan 'golongan raja'
 Agar menjaga 'pragata dan mahkota'
 Simbol kebesaran bangsa merdeka,
 Jangan tersampai pintu 'muzium' pula.

(*Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat R727 & 728*)

Tegasnya, pandangan dan pemikiran Sultan Azlan Shah ini adalah satu wawasan yang jauh terkehadapan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana baginda telah melihat sejarah beberapa negara yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja namun akhirnya jatuh dan runtuh. Sebagai contohnya Kerajaan India, Iran, Indonesia dan Perancis. Keruntuhan dan kejatuhan pemerintahan beraja ini dilakukan oleh rakyat melalui pelbagai cara seperti penggulingan dan kuasa ketenteraan. Situasi ini muncul lantaran kebangkitan juga kemarahan rakyat atas rasa tidak puas hati, kebencian, kemarahan dan kekecewaan. Pernyataan ini diperkukuh oleh tokoh Ali, katanya:

Apabila rakyat bangkit menentang, tiada kuasa manusia yang dapat menahan mereka dan akhirnya institusi Raja dan saki baki sistem feudal tidak boleh dipertahankan. Dalam perjuangan ini, institusi Raja runtuh dan sistem feudal musnah. Ada Raja yang dibunuh dan ada pula yang dibenarkan turun takhta dan tinggal sebagai rakyat biasa dalam negara atau dalam buangan.

(2014: 77)

Semua ini berlaku pada pandangan Sultan Azlan Shah kerana sikap negatif yang dipamer oleh sesesorang pemimpin dalam konteks raja dan sultan. Baginda menyeru kepada para pemimpin payung negara ini, jadikanlah diri sebagai tonggak utuh untuk rakyat berpaut dan bergantung. Maka segala kesulitan yang dihadapi oleh rakyat dan negara, institusi raja wajar memainkan peranan yang signifikan dan berkepentingan untuk rakyat. Tidak mengutamakan keuntungan, kepentingan peribadi juga keperluan segelintir pihak semata-mata. Namun haruslah berpihak kepada kepentingan seluruh rakyat sejagat. Golongan raja-raja harus sedar bahawa hubungan yang erat antara rakyat dan raja adalah satu hubungan suci yang diumpamakan sepohon kayu dan akar. Raja ibarat pohon dan rakyat umpama akar. Andai akar tidak membantu dan memainkan peranannya sebagai pembekal bahan utama iaitu air kepada sepohon pokok, pasti akan layu dan mati. Pohon tidak akan mampu berdiri teguh dan utuh tanpa akar. Inilah tamsilan yang dapat digambarkan betapa penting juga perlunya hubungan yang erat antara raja dan rakyat.

Selaku 'bapa' sebagai "Hakim Negara"
 Baginda menasihati 'Kerabat Diraja'
 Nasihat 'tulus' diberi segala,
 Diharapkan jangan mendatangi murka.

Kedudukan Raja dan orang Melayu,
 Ibarat terletaknya isi dan kuku,
 Umpama pokok dan pohonan kayu,
 Dicabut mati dianjak layu.

Ingatlah 'Piagam Bukit Se Guntang,
 "Raja mengasihi rakyat berbilang"
 Rakyat mentaati perintah dan undang,
 "Demam meninggalkan 'Pesanan Pantang'

(*Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat R729, R730 & R731*)

Tuntaslah bahawa, Sultan Azlan Shah adalah seorang sultan atau raja yang sangat berpandangan jauh atau berwawasan. Pandangan baginda bahawa institusi Kesultanan Melayu hendaklah dipertahankan. Institusi Raja-raja Melayu hanya akan bertahan andai dan jika, pada pandangan Sultan Azlan Shah agar para raja dan sultan menjaga tingkah laku dan tidak melakukan amalan yang tidak disukai juga dibenci oleh rakyat. Pandangan Sultan Azlan Shah ini dilihat selari dengan teguran dua pemimpin negara iaitu Timbalan Perdana Menteri Ghafar Baba dan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohammad. Menurut Ali, Bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia pernah menyuarakan hal ini dalam ucapannya ketika membentangkan resolusinya di Parlimen pada 10hb Disember 1992. Diperturunkan di bawah ini petikan daripada ucapan itu.

Sekali lagi kerajaan menegaskan pendiriannya mahukan Institusi Raja Berpelembagaan akan dikekalkan di negara ini. Walau bagaimanapun Kerajaan mempunyai tanggungjawab sepenuhnya bagi menegur dan memperbetulkan apa-apa kesilapan yang didapati telah dilakukan oleh mana-mana juga Raja-raja Melayu. Bahkan tindakan ini dibuat dengan ikhlas dan bertujuan mengekalkan dan mempertahankan Institusi Beraja sebelum rakyat jelata sendiri bertindak liar terhadap Raja-raja yang mungkin tidak boleh dikawal lagi akhirnya. Sejarah telah memnunjukkan dengan jelas beberapa peristiwa telah berlaku di beberapa buah negara di dunia di mana rakyat telah hilang kesabaran dan mengambil tindakan di luar pelembagaan dan undang-undang untuk menjatuhkan raja-raja mereka.

(2014: 64-65)

Jelas dan nyata bahawa raja atau Sultan Perak iaitu Sultan Azlan Shah ini ialah seorang yang berpandangan jauh juga sangat berwawasan. Baginda tidak mahu Institusi Raja-Raja Melayu akan runtuh kerana tingkah laku golongan raja yang keterlaluan. Maka baginda menyeru agar para Raja-raja Melayu harus memelihara tanjak, keris dan mahkota. Tiga perlambangan alatan yang menunjukkan kekuatan, kebesaran dan kehebatan orang-orang Melayu. Kebesaran, kekuatan dan kehebatan ini harus dipelihara melalui penjagaan adab dan tata tertib dengan rakyat. Maka itulah Sultan Azlan Shah menampilkan hubungan yang erat dengan rakyat. Baginda bukan hanya bertitah semata-mata tetapi dibuktikan dengan perbuatan dan tindakan.

Dalam masa khidmat jawatan,
 Tuanku banyak membuat lawatan,
 Bercampur rakyat berbagai lapisan,
 Kesempatan diambil berbual bersalaman.

Seorang Raja berjiwa rakyat,
 Bersehati jiwa dengan masyarakat,
 Ke mana jua berangkat melawat,
 Kesempatan diambil bertemu-berjabat.

Terkejut rakyat di padang rekreasi,
Terserempak tuanku dengan famili,
Tidak disangka begitu terjadi,
Bersama rakyat baginda berlari.

(*Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat R767, R849 & 854*)

Penulis kelahiran Johor ini iaitu Masrom, M. turut membicarakan kehebatan sultan negeri kelahirannya dalam konteks yang sama iaitu seorang sultan yang berwawasan. Kepengarangan penulis Johor ini dilihat lebih jelas idea yang ingin dipaparkan dalam bahagian-bahagian syairnya. Oleh itu, penulis mengakhiri syairnya dalam Bahagian 1 (pertama) yang dijudulkan dengan Syair Menjunjung Kasih bahawa sultan atau rajanya adalah seorang yang berwawasan. Penulis syair ini menjelaskan terlebih dahulu dalam bai-bait syairnya berhubung wawasan yang telah dilakar oleh Sultan Johor, Sultan Ibrahim berkenaan beberapa idea Sultan berhubung hala tuju negerinya. Hal ini dapat diperhatikan dalam bait syair berikut.

Tuanku mempunyai satu wawasan,
Daerah Mersing ingin dimajukan,
Ingin disuntik daya tarikan,
Supaya jadi kota pelancongan.

Tuanku amat berpandangan jauh,
Pegangan baginda tetap teguh,
Titah Tuanku bagaikan suluh,
Rakyat Johor dikasihi sungguh.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R83 & 94*)

Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar dilukiskan oleh penulis syair ini sebagai seorang yang mempunyai wawasan yang jauh terkehadapan khusus untuk rakyat dan kemajuan negerinya. Dalam konteks ini, baginda dilihat mempunyai hala tuju yang cukup jelas dalam membina pembangunan yang ingin dijana demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan negerinya. Sultan Ibrahim mempunyai strategi pembangunan dalam konteks pembangunan fizikal. Wawasan Sultan Ibrahim yang jauh terkehadapan berhubung pembangunan dalam konteks fizikal di negeri Johor di bawah tadbirannya. Sultan Ibrahim bukan sahaja dilihat penerus kepada usaha dan langkah Sultan Abu Bakar yang menjadikan Bandar Muar sebagai pusat pentadbiran pada 5 Ogos 1887, malah baginda mengangkat dan memartabatkan lagi kedudukan dan taraf bandar berkenaan. Sultan Abu Bakar telah menukar nama Bandar Muar yang diisytiharkan sebagai Bandar Maharani sempena nama suri baginda Maharani Fatimah binti Abdullah. Ketika pemerintahan baginda bandar ini dibangunkan dengan pelbagai kemudahan seperti kedai, pasar, bangunan pejabat kerajaan, sekolah, mahkamah, masjid, hospital, balai polis, penjara, pasar, bangunan kedai, jalan raya dan sebuah istana.³Pada 5 Februari 2012, Sultan Ibrahim telah mengisytiharkan Bandar Maharani sebagai Bandar Diraja.

Muar digelar bandar Maharani,
Bandar Diraja gelaran diberi,
Hari Keputeraan nan diingati,
Bulan November yang diingati.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R52*)

Pengisytiharan Bandar Maharani sebagai Bandar Diraja oleh baginda Sultan Ibrahim adalah bertujuan untuk mengangkat status kedudukan bandar berkenaan. Harapan baginda dengan ternobatnya bandar Bandar Maharani sebagai Bandar DiRaja akan membolehkan rakyat Johor terutama penduduk di bandar berkenaan secara khususnya tetapi juga seluruh rakyat negeri Johor umumnya akan dapat menikmati

kemajuan. Hal inilah yang dinukilkan oleh Ramli, A.R. dalam bukunya *Adat Istiadat Kesultanan Johor Moden 1855-2012*. Menurut Abdul Rahim Ramli, harapan baginda Sultan Ibrahim agar dengan pengisytiharan ini akan memberi banyak peluang buat rakyatnya.

Adalah diharapkan dengan status baharu ini, Bandar Maharani akan terus maju dan penduduknya dapat mengecapi dan menghayati perkembangan ini dengan merebut peluang yang terbuka luas berikutan kemajuan dan pembangunan pesat bandar yang dicintai.

(2013: 323)

Untuk memastikan harapan baginda Sultan Ibrahim, agar rakyat dapat menikmati segala kemajuan yang dibina di bandar berkenaan, pelbagai projek baharu telah dirancang oleh baginda. Dengan sokongan daripada pihak-pihak berwajib seperti Majlis Perbandaran Bandar Maharani pelan pembangunan yang lebih strategik telah dirangka. Sultan Ibrahim mengharapkan agar pihak berwajib ini menjalankan projek-projek peningkatan pelbagai bidang dalam usaha memesatkan sektor ekonomi di bandar ini. Dalam pada masa yang sama baginda inginkan peluang-peluang pekerjaan akan dapat dibuka dengan lebih luas untuk rakyat Johor. Lantaran dengan keinginan dan hasrat murni Sultan Ibrahim berkenaan maka Majlis Perbandaran Bandar Maharani telah menjalankan proses pembangunan melalui pelan pembangunan. Pelan pembangunan ini dirancang dalam konteks untuk menambah baik kemudahan awam.

Kemudahan awam di Bandar Maharani telah dibangunkan dengan lebih moden. Sebagai contoh kawasan pasar dan perhentian bas telah dinaik taraf dengan binaan yang lebih selesa dan sempurna. Tebing Sungai Muar telah dimanfaatkan sebagai kawasan rehat dan peranginan untuk tujuan pelancongan. Kawasan perkilangan telah diperluas dan disusun dengan sistematik bukan sahaja untuk tujuan peluang pekerjaan tetapi juga untuk tujuan keindahan landskap yang lebih menarik. Peluang-peluang ekonomi dibuka lebih luas untuk memberi peluang kepada rakyat muda Johor bekerja di bumi sendiri. Sistem lalu lintas juga turut mendapat perhatian badan ini demi keselesaan, kemudahan dan kesejahteraan rakyat Johor khususnya. Jelas bahawa betapa Sultan Ibrahim ini dikatakan sebagai seorang sultan yang berwawasan. Pandangan dan pemikirannya adalah untuk kepentingan rakyat dan negeri. Dengan wawasan baginda menaik taraf Bandar Maharani ini sebagai Bandar Diraja, maka rakyat dapat menikmati hasil kemajuan yang diciptakan. Semua ini jelas terukir dalam bait syair berikut:

Pandangan tuanku diberi perhatian,
Termasuk oleh kerajaan tempatan,
Kabjikan bangsa Johor diutamakan,
Perlu dilayan penuh keadilan.

Tuanku Sultan yang bijaksana,
Hasrat majukan Johor tercinta,
Perlu digandakan segala usaha,
Agar rakyat menikmati sejahtera.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R6 & R73*).

Kemajuan Bandar Maharani sebagai Bandar Diraja juga jelas membuktikan bahawa Sultan Ibrahim adalah sultan yang memiliki hasrat yang murni. Di samping sebagai seorang sultan yang berwawasan. Semua ini dihasilkan melalui keinginan sultan untuk kesejahteraan rakyat. Menurut Ramli (2011) dalam teksnya *Sejarah Adat Istiadat Diraja Johor* menyatakan bahawa “..Darjat sahaja tidak memadai bagi menjamin dan menentukan kejayaan seseorang pemerintah kerana faktor kekuatan ekonomi, kebijaksanaan dan kebolehan amat penting”.

Jika ditelusuri pernyataan ini, maka amat benar lagi nyata bahawa dengan kekuatan ekonomi adalah amat penting untuk seseorang pemerintah itu digeruni rakyat. Kedudukan dan darjat bukanlah tiket untuk menikmati segala keistimewaan yang dimiliki. Andai hak dan kepentingan rakyat diketepikan adalah sesuatu yang mungkin akan berlaku, kemarahan juga penentangan bakal didepani. Maka sebagai seorang berpandangan jauh dan berwawasan baginda Sultan Ibrahim tidak mahu berpeluk tubuh dan berdiam diri. Taraf hidup rakyat dapat ditingkatkan menjadi idea utama pemikiran baginda. Lantaran itulah baginda

Sultan Ibrahim melakukan pelbagai usaha juga langkah untuk memajukan negeri Johor. Semua hasrat ini adalah untuk kepentingan rakyatnya. Perkara ini jelas tersirna dalam petikan syair berikut.

Sultan Ibrahim sultan penyayang,
Kebajikan rakyat selalu ditatang,
Untung buat si miskin dan malang,
Dibantu agar kesusahan berkurang.

Sultan Johor sering menegaskan,
Bangsa Johor perlu dibangunkan,
Wawasan negeri dapat dijayakan,
Taraf hidup rakyat dapat ditingkatkan.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R58 & R60*).

Dalam hal ini maka pelbagai rangka dan usaha ke arah pembangunan yang cuba dilakukan oleh baginda Sultan Ibrahim ini untuk kemajuan negeri Johor. Oleh itu sebuah wawasan baharu telah baginda jana untuk peningkatan ekonomi dan kedudukan negeri Johor sebagai negeri yang akan mendapat tempat di hati pengunjung. Justeru, baginda inginkan sebuah bandar atau daerah di negeri Johor mempunyai kepelbagaian tarikan pelancong. Dengan kepelbagaian elemen yang mampu menarik kehadiran pelancong akan meletakkan kedudukan ekonomi negeri Johor dalam keadaan yang stabil dan cukup untuk pengurusan pentadbiran yang lebih cekap. Oleh itu, baginda telah merangka satu idea untuk meletakkan Daerah Mersing sebagai sebuah kota pelancongan. Pernyataan ini jelas dilukiskan oleh Masrom, M. dalam teks syair ini seperti yang diperturunkan di bawah:

TuanKu mempunyai satu wawasan,
Daerah Mersing ingin dimajukan,
Ingin disuntik daya tarikan,
Supaya jadi kota pelancongan.

Mersing ada tarikan ekonomi,
Istana flinstone dan rumah api,
Padang polo ramai kunjungi,
Padang golfnnya terkenal sekali.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R83 &84*).

Wawasan Sultan Johor, Sultan Ibrahim untuk memajukan daerah Mersing ini dengan sebagai pusat tarikan pelancong. Baginda ingin menyuntik kemajuan daerah Mersing dengan beberapa lokasi atau pusat kunjungan yang menarik untuk dilawati. Baginda mensasarkan lima lokasi yang berpotensi untuk menjadi pusat kunjungan pelancong dari dalam dan luar negara. Lima lokasi tersebut termasuklah Istana Flinstones yang akan dibuka untuk tujuan kunjungan pelancong. Lokasi seterusnya, baginda sasarkan ialah rumah api yang terdapat di Mersing. Rumah api ini berperanan untuk pelancong singgah di beberapa pulau di Mersing seperti Pulau Pemanggil, Pulau Dayang, Pulau Aur, Pulau Rawa, Pulau Tengah, Pulau Sibul, Pulau Hujung, Pulau Pantai Penyabong, Pulau Tanjung Resang, Pulau Telok Gorek dan Pulau Air Papan.

Selain itu, tidak dilupakan Padang Polo yang mempunyai sejarahnya tersendiri serta mempunyai keluasan yang membolehkan pelbagai sukan permainan dianjurkan di sini. Begitu juga dengan adanya Padang Golf di Mersing membolehkan sukan antarabangsa ini dianjurkan. Wawasan baginda yang terakhir berhubung potensi lokasi atau pusat pelancongan yang terdapat di Mersing ini ialah keinginan baginda membina sebuah pekan koboi. Di Pekan koboi itu nanti akan ada tukang besi dan kuda seperti yang digambarkan dalam cerita-cerita pekan ini melalui filem Barat. Harapan baginda dengan lokasi-lokasi atau pusat kunjungan pelancong ini nanti akan memberi pulangan lumayan kepada pendapatan kerajaan negeri. Oleh itu, baginda Sultan Ibrahim menggunakan lokasi yang sedia ada di Mersing ini untuk tujuan ekonomi. Manakala pembinaan Istana Flinstone dan Pekan Koboi adalah satu pembaharuan yang diwujudkan di daerah Mersing sebagai nilai tambah kepada lokasi-lokasi menarik yang sedia ada. Maka proses memelihara

dan memulihara lokasi-lokasi sedia ada akan diteruskan. Hasrat murni wawasan baginda ini telah terlakar di bait syair di bawah.

Mersing ada tarikan ekonomi,
Istana Flinstones dan rumah api,
Padang polo ramai kunjungi,
Padang golf terkenal sekali.

Hasrat Tuanku menarik sekali,
Bandar koboi impian di hati,
Ada kuda dan tukang besi,
Pasti ramai pengunjung nanti.

(Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R84 -85).

Kesimpulan

Sifat mulia yang dijadikan teras dalam skop keperibadian tokoh ini iaitu penyayang dan berwawasan digambarkan dalam kedua-dua teks syair ini. Tegasnya, Sultan Azlan dan Sultan Ibrahim mempunyai sifat penyayang iaitu antara sifat luhur yang dimiliki oleh kedua-dua sultan ini. Bezanya sifat penyayang Sultan Azlan terhadap alam sekitar. Sultan Ibrahim pula dilukiskan sifat penyayangnya kepada ahli keluarga terutama cucu-cucunya, baginda juga dikatakan menunjukkan rasa sayangnya kepada rakyat pimpinannya. Sebagai tanda sayang itu baginda meletakkan kebajikan rakyat menjadi pegangan dalam pemerintahan. Berwawasan atau berpandangan jauh yang dimiliki oleh kedua-dua sultan ini dilihat berbeza. Sultan Azlan berpandangan bahawa sebagai raja atau sultan harus memerintah dengan adil untuk semua rakyat. Tidak menggunakan kedudukan dan darjat ini untuk kepentingan peribadi. Sultan Ibrahim pula wawasan baginda dilihat Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar dilukiskan oleh penulis syair ini sebagai seorang yang mempunyai pandangan dan wawasan yang jauh terkehadapan khusus untuk rakyat dan kemajuan negerinya. Dalam konteks ini, baginda dilihat mempunyai hala tuju yang cukup jelas dalam membina pembangunan yang ingin dijana demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan negerinya. Sultan Ibrahim mempunyai strategi pembangunan iaitu pembangunan dalam konteks pembangunan fizikal dan pembangunan rohani.

Penghargaan: Terima kasih dirakamkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah menaja pembelajaran selama tiga tahun. Terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak atas bantuan penerbitan makalah ini.

Rujukan

- Ali, S. H. (2014). *Raja-raja Melayu kemuduran atau kemajuan?* Strategic Information and Research Development Centre.
- Fadhil, S. (1994). Kepimpinan Islam dalam menghadapi abad ke-21. Dalam N.M Nik Hassan, *Pembangunan ummah ke arah wawasan 2020*. Percetakan Zafar Sdn. Bhd.
- Harun, J. (2015). Syair Tawarikh Zainal Abidin yang Ketiga sebuah karya Agung Terengganu. *Jurnal Iman*. 3(2), 3-15. <http://dx.doi.org/10.17576/IMAN.2015.0302.01>.
- Harun, J. (2015). *Zainal Ibadin III biografi Sultan yang adil dan alim*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim, M. Y. (1991). *Terengganu Darul Iman tradisi pensejarahan Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim, M. S. (1994). *5 Tahun Kenangan Sultan Azlan Shah*. Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia.
- Ibrahim, M. (2012). *Sistem demokrasi berparlimen di Malaysia*. Ibs Buku Sdn. Bhd.
- Kaeh, A.R. (1981). Latar belakang sastera tradisional Melayu. Dalam *Kumpulan Esei Sastera Melayu Lama*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masrom, M. (2018). *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar*. Jabatan DiRaja Johor, Istana Besar.
- Mohamed, N. (2001). *Syair Almarhum Baginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor*. Yayasan Warisan Johor.
- Mohd Said, I. (2009). *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat*—Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli, A.R. (2011). *Sejarah adat istiadat Diraja Johor*. Penerbit UTM Press.

-
- Ramli, A. R. (2013). *Adat Istiadat Kesultanan Johor Moden 1855-2012*. Penerbit UTM Press.
- Shamsudin, M. (2006). *Sebutir Permata di atas Takhta Pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Azlan Muhibbudin Shah*. Arkib Negara Malaysia.
- Zaini, M. A. (2004). *Kumpulan Titah Ucapan Sultan Azlan Shah*. Pustaka Cipta Sdn. Bhd.